

NO. SOALAN : 508

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]

SOALAN

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Prestasi keseluruhan bagi projek KVMRT Jajaran 1 dan jangkaan tarikh siap, dan tarikh pembukaan untuk kegunaan orang ramai bagi projek ini; dan
- (b) kos yang terlibat dalam pembinaan setakat April 2015.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang (KVMRT) telah siap sebanyak 61.9%. Fasa pertama laluan Sungai Buloh – Kajang dari Sungai Buloh hingga ke Semantan dijangka siap pada bulan Disember 2016 dan disasarkan untuk beroperasi pada awal tahun 2017. Sementara itu, fasa kedua (Sungai Buloh – Kajang) dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi pertengahan tahun 2017.

2. Kos yang terlibat dalam pembinaan Projek MRT Laluan 1 sehingga 30 April 2015 adalah dianggarkan sebanyak RM14.3 bilion. Kos tersebut adalah meliputi bayaran kepada kontraktor, *Project Delivery Partner* (PDP), *Independent Consultant Engineer* (ICE), pengambilan tanah dan lain-lain kos berkaitan. Walau bagaimanapun, kos sebenar projek hanya boleh dimuktamadkan setelah kesemua pakej kerja dianugerahkan secara tender terbuka kepada kontraktor terpilih, kompeten dan layak.

Sekian, terima kasih.